

04 AUG 1996

Mahathir-Elektrik

DR MAHATHIR MALU DAN DUKACITA DENGAN TENAGA NASIONAL

ALOR SETAR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berasa dukacita dengan kejadian bekalan elektrik yang terputus semalam yang menyebabkan seluruh Semenanjung bergelap.

Katanya Malaysia malu kerana sebagai sebuah negara yang menjadi contoh kepada negara membangun kejadian seperti itu masih boleh berlaku.

"Saya berasa dukacita kerana perkara ini berlaku sekali lagi walaupun sepatutnya kita sudah belajar daripada pengalaman lepas.

"Di mana kita hendak letak muka. Kita panggil orang (luar) datang dan melabur di sini tetapi perkara seperti ini berlaku sehingga kilang mereka rosak," katanya pada persidangan berita selepas menghadiri persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, dekat sini.

Dr Mahathir hairan bagaimana kejadian itu boleh berlaku sedangkan negara lain yang menggunakan lebih banyak tenaga elektrik tidak menghadapi masalah seperti itu.

Bekalan elektrik ke seluruh Semenanjung terputus mulai pukul 5.17 petang semalam apabila sistem saluran elektrik berhampiran Stesen Janakuasa Sultan Ismail, Paka, Terengganu terpelantik.

Kejadian itu menyebabkan pelbagai urusan tergendala dan keadaan menjadi kelam kabut terutama di bandar-bandar besar.

Perdana Menteri juga kesal kerana perkara itu masih dibiarkan berlaku sedangkan Tenaga Nasional Berhad telah menyatakan bahawa sistem bekalan elektrik sudah berada dalam keadaan baik selepas kejadian yang serupa pada tahun 1992.

Katanya sejak kejadian yang pertama itu kerajaan telah mengambil banyak tindakan dengan memberi lesen kepada pengeluar tenaga persendirian (IPP) dan jumlah pengeluaran tenaga elektrik bertambah sebanyak 50 peratus.

"Kejadian ini sudah berlaku sekali tetapi kita biar ia berlaku lagi... saya tidak tahu... mungkin mereka ada masalah teknikal yang saya tidak faham."

"Kita boleh ukur banyak mana tenaga elektrik kita, apa kemungkinan ada kerosakan bila terlampau banyak arus. Saya tidak percaya kalau tidak ada kerosakan kejadian itu boleh berlaku begitu sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau belum menerima laporan lengkap berhubung kejadian itu, cuma mendapat maklumat daripada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie bahawa keadaan lebih teruk daripada yang dijangkakan dan proses memulihkan akan mengambil masa.

Ditanya mengenai jumlah kerugian Dr Mahathir berkata: "Saya tidak berani nak kata... tentu banyak, industri bergantung kepada elektrik, hotel juga bergantung kepada elektrik."

Katanya perkara ini akan dibawa ke mesyuarat kabinet untuk membincangkan tindakan lanjut yang harus diambil kerajaan.

Di PETALING JAYA, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ditanya mengenai gangguan elektrik itu berkata perbincangan kabinet Rabu ini akan merangkumi semua perkara berhubung penjana kuasa dan pengagihan sistem tenaga serta peranan IPP ketika berlaku sebarang krisis.

"Malah perlu ada satu kajian menyeluruh mengenai keseluruhan sistem tenaga termasuk peranan IPP," katanya selepas merasmikan dialog "Tindak Balas Tamadun Islam dan Cina Terhadap Cabaran Dunia Sezaman" di sini.

Mengenai bekalan elektrik, Anwar berkata: "Kita sebenarnya mempunyai kapasiti berlebihan... persoalannya ialah pengagihan tenaga."

Malaysia mempunyai bekalan elektrik berlebihan selepas sektor tenaga negara melalui proses transformasi (yang bermula sebelum 1993 selepas gangguan tenaga elektrik pada 1992), ketika kerajaan mengumumkan liberalisasi dalam sektor itu dengan mempelawa IPP mengambil bahagian untuk meningkatkan kecekapan penjanaan kuasa Tenaga Nasional sebagai memenuhi permintaan yang kian bertambah di kalangan industri dan penduduk.

Ditanya sama ada Tenaga Nasional akan diminta meminta maaf kepada pengguna, Anwar berkata: "Kita akan mengkajinya."-- BERNAMA

HS WE RON